

1983

KUALA LUMPUR, 15 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD TIDAK MAHU KEMPEN KEBERSIHAN YANG SEDANG BERJALAN SEKARANG DIJADIKAN ACARA PESTA DI MANA YANG DIPENTINGKAN IALAH 'PR' (PERHUBUNGAN AWAM) DAN MASYARAKAT LUPA TENTANG TANGGUNGJAWAB TERHADAP KEBERSIHAN SEBAGAI AMALAN BIASA SETIAP MASA.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN YANG PENTING DALAM KEMPEN SEBULAN ITU BUKAN KEMPEN DAN ACARA KEMPEN TETAPI KESANNYA TERHADAP SIKAP DAN TABIAT SEMUA PENDUDUK.

"JANGANLAH KEMPEN KEBERSIHAN MENJADI SEPERTI KEMPEN KESELAMATAN JALANRAYA ATAU KEMPEN ANTI-MENGHISAP ROKOK DI MANA LEBIH BANYAK KEMPEN DI ADAKAN LEBIH RAMAI YANG MATI KERANA KEMALANGAN JALANRAYA DAN JUALAN ROKOK LEBIH LARIS," TAMBAH BELIAU SEMASA MERASMIKAN BANGUNAN MENARA PROMET DI SINI HARI INI.

BELIAU MENGULANGI TUJUAN KEMPEN KEBERSIHAN IALAH UNTUK MENYEDARKAN SEMUA PIHAK DAN SETIAP INDIVIDU TENTANG KEPENTINGAN MENJAGA KEBERSIHAN SETIAP INCI BUMI NEGARA INI.

"TETAPI TUJUAN UNTUK MENYEDARKAN BERBAGAI PIHAK TENTANG KEPERLUAN KEBERSIHAN BUKANLAH SUPAYA KEBERSIHAN INI DIJADIKAN SEBAGAI ACARA PESTA DI MANA YANG DIPENTINGKAN IALAH PR DAN PELEPASAN ITU SING-MASING BALIK SEPERTI BIASA -- LUPAKAN TENTANG TANGGUNGJAWAB TERHADAP KEBERSIHAN SEBAGAI AMALAN BIASA SETIAP MASA." -- LAGI

PM - KEBERSIHAN 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA RAKYAT PERLU BERBANGGA DENGAN IBU KOTA DAN BANDAR-BANDAR YANG LAIN DAN UNTUK ITU PENGINDAHAN, KEBERSIHAN DAN KAWALAN YANG KETAT PERLU DIADAKAN.

KATANYA KUALA LUMPUR MESTI DIJADIKAN BANDARAYA TAMAN DAN BUKAN "CONCRETE JUNGLE" (HUTAN KONKRIT) DAN PEMAJU, PEGAWAI DAN ORANG RAMAI MESTI MEMBUKTIKAN KEBANGSAAN INI DENGAN KESEDARAN TERHADAP MENJAGA KEBERSIHAN DAN KEINDAHAN BANDARAYA INI.

PERDANA MENTERI MENAMBAH KERAJAAN TELAH BERUSAHA MENGINDAHKAN ALAM SEKITAR DAN KUALA LUMPUR KINI TERNAMPAK LEBIH MENGHIJAU DENGAN TANAMAN POKOK DAN RUMPUT SUPAYA TIDAK LAGI MENJADI "CONCRETE JUNGLE."

TETAPI, TEGASNYAUSAHA DEWAN BANDARAYA SAHAJA TIDAK MENCUKUPI PEMAJU BANGUNAN HENDAKLAH BERUSAHA SUPAYA TEMPAT MEREKA DIHIASI DENGAN POKOK-POKOK DAN TAMAN YANG BOLEH MENCANTIKAN LAGI BANGUNAN.

BELIAU BERHARAP MEREKA MENOLONG DEWAN BANDARAYA MEMBERSIH, MENGINDAH DAN MENJAGA KEAWASAN-KAWASAN AWAM YANG BERDEKATAN DENGAN BANGUNAN MEREKA TAMAN-TAMAN KECIL YANG DIADAKAN OLEH DEWAN BANDARAYA.

"JIKA BANGUNAN-BANGUNAN YANG MENELAN BELANJA RIBUAN JUTA RINGGIT DIKELILINGI DENGAN SAMPAH SARAT, MAKA SIA-SIA SAHAJA PERBELANJAAN YANG BEGITU BANYAK."

DI SAMPING ITU BELIAU PERCAYA DENGAN MENJAGA KEBERSIHAN NILAI BANGUNAN AKAN MENINGKAT DAN TUANPUNYA BANGUNAN AKAN MENDAPAT LEBIH BANYAK HASIL DARIPADA SEWA BANGUNAN. -- BERNAMA 1730/II